



02 JUN, 2021

SPRM akan panggil bekas Pengerusi LGM

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

SPRM akan panggil bekas Pengerusi LGM

Pendedahan isu penjualan, pajakan tanah bawah harga pasaran

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
 bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan memanggil bekas Pengerusi Lembaga Getah Malaysia (LGM), Datuk Ahmad Nazlan Idris, bagi menjelaskan pendedahannya mengenai isu LGM Properties Corporation (LGMPC).

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki, berkata siasatan berhubung isu itu sedang dijalankan pegawainya.

"SPRM ada menerima aduan

Bekas Pengerusi LGM sedia disiasat



Keratan akhbar BH, semalam.

berkaitan isu ini dan sedang menjalankan siasatan.

"SPRM juga akan memanggil bekas pengerusi (LGM) untuk mendapatkan maklumat lanjut daripada beliau," katanya ketika dihubungi semalam.

Sebelum ini, tular di media sosial berkenaan isu penjualan dan pajakan tanah perdana LGM di bawah harga pasaran.

Ahmad Nazlan yang juga Ahli Parlimen Jerantut semalam tampil memberi penjelasan dan menafikan terbabat dalam isu berkenaan serta sedia disiasat SPRM.

"Harus saya tekankan segala

tuduhan terhadap diri saya tidak benar dan saya sudah cuba bersama dengan Ahli Lembaga Pengarah yang lain menjalankan tugas dengan penuh integriti.

"Saya mendapat kerjasama sepenuhnya dari Ahli Lembaga Pengarah LGM dan mereka sangat komited dan bertanggungjawab dalam hal perancangan dan pengurusan," menurut kenyataan medianya.

Dalam isu sewaan tanah 70 sen sekaki, Ahmad Nazlan me-

njelaskan, LGM hanya bersetuju untuk pajakan lima tahun dan ditambah 10 tahun, namun Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali, mahukan 5 + 10 + 10 menjadikan 25 tahun.

Beliau turut mengesahkan tidak lagi menjadi Pengerusi LGM selepas ditamatkan kontrak pada 14 April lalu dan ditawarkan jawatan Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), namun ditolak.



“SPRM ada menerima aduan berkaitan isu ini dan sedang menjalankan siasatan”

Azam Baki,
 Ketua Pesuruhjaya SPRM



02 JUN, 2021

SPRM akan panggil bekas Pengerusi LGM

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Pendedahan isu penjualan, pajakan tanah bawah harga pasaran

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan memanggil bekas Pengerusi Lembaga Getah Malaysia (LGM), Datuk Ahmad Nazlan Idris, bagi menjelaskan pendedahannya mengenai isu LGM Properties Corporation (LGMPC). Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki, berkata siasatan berhubung isu itu sedang dijalankan pegawainya. "SPRM ada menerima aduan

berkaitan isu ini dan sedang menjalankan siasatan.